

**MAJLIS PERUNDINGAN AGAMA  
TERIMA NASIHAT PERDANA MENTERI**

# Kempen anti Enakmen Islam dihentikan

UM 11 APR 1990

**K**UALA LUMPUR 10 April — Majlis Perundangan Malaysia Agama Buddha, Kristian, Hindu dan Sikh telah memberhentikan kempen tandatangan menentang Enakmen Agama Islam Negeri Selangor yang mencetuskan kontroversi itu.

Keputusan menarik balik kempen tersebut dimaklumkan secara rasmi oleh majlis itu kepada Perdana Menteri Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad dalam satu pertemuan selama dua jam di Jabatan Perdana Menteri hari ini.

Setelah mendengar penjelasan daripada rombongan 12 orang daripada majlis itu, Dato' Sri Dr. Mahathir menasihatkan mereka supaya jangan mengulangi kempen seperti itu.

Dalam sidang akhbarinya selepas pertemuan itu, Perdana Menteri menegaskan, tindakan mengutip tandatangan untuk menghalang pelaksanaan undang - undang Islam boleh mencetuskan ketegangan dan meruntuhkan persefahaman serta sikap toleransi terhadap kebebasan beragama.

"Kita harus bertanggungjawab dan memahami sensitiviti penganut - penganut agama Islam. Tidak ada sesuatu yang harus dibimbangkan dengan pelaksanaan undang - undang Islam," tegas beliau.

## Had umur kanak-kanak

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata demikian ketika ditanya sama ada majlis tersebut bersetuju untuk menghentikan kempen mengutip tandatangan membantah pelaksanaan Enakmen Keluarga Islam (Pindaan 1989) yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Selangor baru - baru ini.

Kata Perdana Menteri: "Mereka telah menghentikan kempen tersebut. Saya menasihatkan mereka supaya berunding dulu dengan kerajaan sebelum membuat sesuatu keputusan yang boleh menyentuh sensitiviti masyarakat Islam."

Enakmen yang dipinda itu melibatkan had umur bagi kanak - kanak yang ingin memeluk agama Islam.

Di bawah pindaan ini, kanak - kanak yang akhir baligh (kedatangan haid bagi perempuan) bebas menentukan sendiri agama apa yang ingin dianuti. Mereka tidak memerlukan keizinan ibu bapa mereka.

Sebelum enakmen itu dipinda, kuasa menentukan agama bagi seorang kanak - kanak bukan Islam yang berumur kurang daripada 18 tahun dimiliki oleh ibu bapa mereka.

Undang - undang ini buat masa ini hanya berkuatkuasa di Negeri Selangor sahaja.

Pindaan ini pada mulanya turut disokong oleh ahli - ahli Dewan Undangan Negeri Selangor daripada MCA. Bagaimanapun setelah ia diluluskan, mereka mengubah fikiran dan menghantar surat perletakan jawatan masing - masing hingga mencetuskan satu isu politik.

**LIHAT MUKA 2**

## Kempen anti Enakmen Islam dihenti

Majlis UM Perundangan Malaysia Agama Buddha, Kristian, Hindu dan Sikh pula melancarkan kerfipen mengutip tandatangan bagi menentang pelaksanaan enakmen itu.

Dato' Sri Dr. Mahathir sebelum ini telah dua kali meminta majlis tersebut menghentikan kempen itu.

Dalam pertemuan hari ini, majlis itu diketuai oleh presiden mereka, Dr. Kim Beng.

Menurut Perdana Menteri, dalam pertemuan tersebut Majlis itu menyatakan kebimbangan tentang kemungkinan anak-anak mereka dipengaruhi untuk memeluk agama Islam tanpa restu ibu bapa sendiri.

"Saya jelaskan bahawa di negara ini, kita begitu liberal dalam soal kebebasan beragama. Tidak ada paksaan dilakukan," ujar beliau.

Dalam beberapa kes, kata beliau, kebanyakan kanak-kanak yang memeluk agama Islam membuat keputusan tersebut dengan rela hati dan bukan dipaksa.

Dato' Sri Dr. Mahathir memberi jaminan, kerajaan tidak berhasrat melaksanakan undang-undang syariah kepada bukan Islam dan tidak ada sebab mengapa mereka harus bimbang.

Sebagai contoh, ujar beliau, dalam kes khalwat, pasangan bukan Islam tidak didakwa di Mahkamah Syariah.

Menurut Perdana Menteri, jumlah kanak-kanak yang memeluk Islam di negara ini terlalu kecil malah hanya meli-

bat beberapa kes sahaja.

"Janganlah kerana kes yang sedikit itu dijadikan satu isu besar sehingga boleh menyinggung sensitiviti masyarakat Islam dan mencetuskan ketegangan," tegasnya.

Beliau berpendapat, jika faktor kebimbangan dijadikan isu masyarakat Islam juga berhak menyatakan kebimbangan terhadap beberapa perkara.

Oleh itu, katanya, cara yang paling baik untuk menghilangkan kebimbangan dan menjalin persefahaman yang lebih baik ialah dengan berunding.

Kata Perdana Menteri, jika beberapa kumpulan tidak puas hati, mereka boleh membawa kes tersebut ke mahkamah dan kerajaan tidak akan membantah keputusan yang dibuat oleh mahkamah.

Menyentuh mengenai permintaan majlis tersebut untuk membawa masuk paderi-paderi dari negara asing untuk mengajar agama Kristian di negara ini, Perdana Menteri berkata, beliau

akan meneliti permohonan tersebut.

Bagaimanapun, beliau menasihatkan majlis tersebut supaya melatih paderi itu dari kumpulan anak tempatan kerana hampir kesemua rakyat di negara ini boleh menggunakan bahasa Malaysia dan Inggeris dengan baik.

Ketika ditanya sama ada pertemuan tersebut berjaya menyelesaikan beberapa masalah, Perdana Menteri berpendapat, dalam negara yang mengamalkan kebebasan beragama, sudah tentu akan timbul masalah.

"Jika ada masalah, kita berbincang. Kerajaan mengamalkan sikap terbuka," katanya.

Beliau berkata: "Sekiranya setiap kumpulan mengambil tindakan mengutip tandatangan kerana tidak puas hati, masalah tidak dapat diselesaikan."

Kata Perdana Menteri, majlis tersebut juga ber-setuju untuk berbincang dengan kerajaan jika mereka tidak puas hati terhadap beberapa perkembangan beragama di negara ini.